

## **Kreativiti Perwatakan dan Sejarah dalam Novel *Wanita Rawa Terakhir*** *Crafting Characters and Chronicles: A Creative Exploration of the Novel* *Wanita Rawa Terakhir*

Nur Shahirah Amir  
a180682@siswa.ukm.edu.my  
Malaysia Universiti Kebangsaan

Mawar Safei\*  
mawar.safei@ukm.edu.my  
Malaysia Universiti Kebangsaan

\*Corresponding author

Received: 3 October 2023; Published: 23 December 2023

Cite this article (APA) as:

Amir, N. S., & Safei, M. (2023). Kreativiti Perwatakan dan Sejarah dalam Novel *Wanita Rawa Terakhir*. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 11(2), 23 - 38. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/178>

### **ABSTRAK**

Genre novel sejarah sering mempertentangkan antara isu fakta dengan fiksi. Wacana ini antara yang diajukan dalam kajian terhadap novel *Wanita Rawa Terakhir*. Karya ini merupakan novel sulung Nor Faridah Abdul Manaf, terbitan Silverfish Books pada tahun 2022. Novel ini menggarap latar pensejarahan orang Rawa yang selama ini tersembunyi. Nor Faridah Abdul Manaf menggali sejarah kedatangan orang Rawa dari Aceh ke Tanah Melayu, khususnya ke Raub, Pahang. Permasalahan kajian ini melihat bagaimana kedudukan *Wanita Rawa Terakhir* dapat dipertanggungjawabkan sebagai novel sejarah dengan meneliti antara kehadiran fakta dengan fiksi berdasarkan unsur realisme dan imaginasi watak-wataknya. Kerangka kajian ini memanfaatkan konsep novel sejarah yang antaranya dikemukakan Mohamad Saleeh Rahamad dalam buku *Pencerakaan dalam Novel Sejarah* (2005). Dapatan kajian mengemukakan bahawa pengarang Nor Faridah Abdul Manaf mengangkat kedudukan sejarah Rawa dengan memperagakan tokoh sebenar. Turut berlaku penggabungan teknik campuran pengarang dalam pembikinan watak rekaan. Menerusi novel ini pengarang memperlihatkan hubungan sastera dan sejarah orang Rawa yang digubah semula secara rinci antara fakta dengan kreativiti. Namun, ia bukanlah pula bertujuan untuk mengubah sejarah Rawa yang asal. Kepentingan kajian novel *Wanita Rawa Terakhir* ini adalah untuk membangunkan naratif sejarah Rawa di negara ini khususnya kepada generasi baru. Sejarah langka Rawa dapat ditinjau, dipermudah dan diperelok menerusi tulisan kreatif imaginatif seperti novel untuk dinikmati generasi muda khususnya.

Kata kunci: Nor Faridah Abdul Manaf, novel Melayu, novel sejarah, perwatakan, *Wanita Rawa Terakhir*

### **ABSTRACT**

*Historical novels often juxtapose issues between fact and fiction. This discourse is amongst those presented in the study of the novel *Wanita Rawa Terakhir* [The Last Rawa Lady]. This literary work is Nor Faridah Abdul Manaf's premier novel, published by Silverfish Books in 2022. The novel delves into the historical backdrop of the overlooked Rawa people, with Nor Faridah Abdul Manaf examining their migration from Aceh to the Malay Peninsula, particularly focusing on Raub, Pahang. This study problematises whether the position of *Wanita Rawa Terakhir* as a historical novel can be justified by analysing the interplay between facts and fiction based on the elements of realism and the imagination of its characters. The framework of this study utilises the concept of historical novel, some of which was presented by Mohamad Saleeh Rahamad in the book *Pencerakaan dalam Novel Sejarah* (2005)*

*[Narratology in Historical Novels]. Findings from this study demonstrate that Nor Faridah Abdul Manaf does justice to Rawa history by portraying authentic characters. Simultaneously, the author employs intervention techniques to craft fictional characters, adding another layer of depth to the narrative. Through this novel, Nor Faridah Abdul Manaf validates the intricate relationship between the literature and history of the Rawa people, reimagined to its finest details by blending facts with creativity without altering the original history of the Rawa people. The significance of studying *Wanita Rawa Terakhir* is to develop the historical narrative of the Rawa people in this country, especially for the new generation. The scarce history of the Rawa people can be explored, simplified, and beautified through imaginative creative writing, such as novels, to be enjoyed, particularly by the younger generation.*

*Keywords: Nor Faridah Abdul Manaf, Malay novels, historical novel, character, Wanita Rawa Terakhir*

## **PENGENALAN**

Menurut *Glosari Istilah Kesusasteraan* (2000), novel sejarah didefinisikan sebagai novel yang mengemukakan watak rekaan dengan membina kembali tokoh tertentu yang ternama dan yang tercatat dalam zaman lampau lalu memaparkannya dalam bentuk cereka menurut imaginasi pengarang. Meskipun ia dilahirkan dalam bentuk cereka, fakta-fakta sejarah sama ada dijelmakan untuk latar, selalunya dipelihara dan disesuaikan menurut cerita. Berdasarkan peristiwa-peristiwa sejarah itu, pengarang menimba kisah-kisah penting yang mungkin mengenai pergeseran atau konflik yang sesuai untuk menjadi bahan cerita, misalnya tentang pergolakan sosial mahupun politik pada sesuatu zaman. Mana Sikana (2004) memetik kata-kata A.H. Edrus, novel sejarah menggarap unsur persejarahan dan di dalamnya diisikan dengan nilai pengembaraan serta melihat aspek tradisi mahupun klasik.

Selain itu, Mana Sikana (2021) mengatakan bahawa bukan mudah untuk menghasilkan novel sejarah kerana ia memerlukan ketelitian fakta supaya tidak tersesat dalam naratifnya. Sumbernya haruslah benar daripada buku yang dihasilkan pakar sejarah. Seandainya tidak ditangani dengan sempurna, ia akan jatuh menjadi karya yang hanya berunsur sejarah. Karya yang dihasilkan itu ialah berbentuk teks sastera sejarah secara faktual. Penciptaan karya sebegini bercorak futuristik yang menggarap peristiwa sejarah silam dan klasik lazimnya beraliran romantisisme. Pengarang kini menggembleng peristiwa harian yang kontekstual dengan budaya hidup mutakhir beraliran realisme. Tema perjuangan membela tanah air, pertentangan terhadap kejahatan berakhir dengan darah dan air mata serta bercorak tragedi yang mencemaskan adalah struktur utama karya sejarah.

Menurutnya lagi terdapat tiga jenis karya sejarah. Pertama, sejarah secara faktual yang mementingkan ketepatan peristiwa, khas untuk khalayak yang tidak mengetahui aspek sejarahnya. Kedua, karya metahistoriografik yang memberi tafsiran dan makna baharu terhadap sejarah. Ketiga, metasejarah yang melakukan penggalian untuk mencungkil hakikat peristiwa dan melakukan pelanggaran terhadap sejarah untuk menyempurnakan visi yang lebih dinamik dan progresif. Ketiga-tiga jenis teks itu mempunyai fahaman yang berbeza terhadap sejarah. Ada sejarah yang tidak boleh ditokok-tambah seperti hal agama. Seterusnya, ada sejarah yang boleh ditukar ganti dan memberi makna yang baharu. Ada pula sejarah yang digali daripada timbunan persembunyian peristiwanya untuk mendapatkan hakikat sejarah seperti yang dilakukan Nor Faridah Abdul Manaf, pengarang *Wanita Rawa Terakhir*, novel yang digunakan dalam kajian ini.

Hashim Ismail (2022) mengatakan dalam 'Program Bimbingan Sayembara Menulis Novel Sejarah untuk Remaja' anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, watak dan peristiwa bersejarah mestilah nyata berlaku dan bukannya dicipta sehingga mengubah fahaman dan peristiwa sejarah. Menurutnya lagi, kebijaksanaan pengarang yang dicari ialah penulis yang membawa pengalaman atau idea baru, tidak stereotaip dan mempunyai kompleksiti karya, kematangan berbahasa serta keupayaan olahan visual dalam menghidupkan cerita.

Seterusnya, Abdullah Zakaria Ghazali (2022) pula mengatakan dalam program yang sama, watak yang dipilih untuk diketengahkan dalam karya sastera sejarah, tidak semestinya sultan dan para pembesar sahaja. Watak bersejarah ialah tokoh yang terlibat dalam peristiwa bersejarah. Oleh itu, melalui penceritaan tokoh dan peristiwa sejarah yang dimasukkan dalam novel, hal tersebut boleh meningkat jati diri dan menyuburkan semangat cinta akan negara dan bangsa.

### **Nor Faridah Abdul Manaf dan Novel *Wanita Rawa Terakhir***

Tulisan ini menumpukan kepada novel *Wanita Rawa Terakhir* karya Nor Faridah Abdul Manaf. Novel *Wanita Rawa Terakhir* diterbitkan pada tahun 2022 oleh Silverfish Books di Kuala Lumpur. Buku ini mengandungi 101 halaman, 10 bab dan tambahan prolog sebagai mukadimah dan epilog sebagai penamat dan pengakhiran cerita. Menurut pengarang, novel sejarah ini tidak mungkin dapat ditulis tanpa bantuan dan kajian yang ditaja Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Pusat Penyelidikan dan Pengurusan IIUM (RMC). Novel ini secara tidak langsung ingin merungkai identiti dan pejuang orang Rawa yang dirahsiakan kepada orang ramai.

Blog peribadi Nor Faridah, iaitu <http://i-glass.blogspot.com/2006/> menyatakan pencarian bahan penyelidikannya tentang orang Rawa bermula pada tahun 2006 sehingga 2021. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pengarang sudah lama mencari bahan dan membuat kajian tentang Rawa selama 16 tahun. Kisah-kisah Rawa dicatat di blognya sebagai suatu memori kepada proses penulisan novel *Wanita Rawa Terakhir* ini dihasilkan. Novel ini banyak merakamkan tentang sejarah orang Rawa iaitu penghijrahan mereka ke Tanah Melayu. Menurut Nor Faridah Abdul Manaf, sejarah itu boleh berubah-ubah. Hal ini bergantung kepada siapa yang merakam sejarah itu. Novel *Wanita Rawa Terakhir* ini adalah suatu pencarian identiti, bangsa dan negara. Kajian tentang sesuatu sejarah itu datang daripada asakan hati yang mahu mencari jati diri, sejarah keluarga yang penuh misteri dan asal-usul mereka. Hal ini dilakukan pengarang dengan menggali sejarah orang Rawa yang tersembunyi dan seterusnya dirakamkan dalam sebuah novel secara kreatif. Teks sastera sejarah menjadi pilihan pengarang sebagai sumber pencerekaan dalam menyampaikan wacana menerusi karya sastera. Menerusi gubahan semula teks sejarah, pengarang menghadirkan idea, tafsiran dan tanggapan terkini dalam menafsir sejarah lampau dan ia bukanlah bertujuan untuk mengubah peristiwa sejarah Rawa yang asal.

Menurut Avrom Fleishman (1971), sebuah kisah kehidupan yang diserapkan dalam bingkai sejarah hanya merupakan sebuah novel. Namun demikian, apabila watak-watak hidup dalam ruang atau dunia yang dihuni tokoh-tokoh sejarah maka akan terhasillah novel sejarah. Kisah dalam *Wanita Rawa Terakhir* ini dibina secara berstruktur iaitu terdiri daripada bahagian permulaan, pertengahan dan pengakhiran. Ada juga teknik imbas kembali yang digunakan sebagai kreativiti pengarang. Hal ini secara tidak langsung menjadikan setiap kisah yang dipersembahkan berlangsung dalam bentuk kronologi. Menurut Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Rohaya Md Ali dan Phat a/l Awang Deng (2021), kesusasteraan Melayu melalui novel berunsur sejarah dapat mengemukakan pendedahan kepada pembaca tentang kronologi dan peristiwa yang telah berlaku dalam peradaban bangsa. Biar pun garis masa yang digambarkan dalam karya ini merujuk kepada zaman silam, namun bahasa yang digunakan pengarang ialah gaya bahasa yang mudah difahami pembaca umum. Novel ini menggarap susur galur dan jati diri suku Rawa sekali gus mengangkat jati diri bangsa Melayu. Novel ini dihasilkan untuk meningkatkan kefahaman tentang asal usul orang Melayu Rao dan mendedahkan untuk pengetahuan umum tentang adat, budaya, kesenian, loghat, sikap dan tradisi makanan mereka yang menjadi sebahagian daripada orang Melayu.

Zabidin Ismail dalam buku *Biografi Tokoh Rao: Sumbangan dan Jasa Terhadap Pembangunan Malaysia* (2013), mengemukakan istilah 'Rawa' merujuk kepada satu etnik suku bangsa Melayu daripada perkataan 'Rao' iaitu sebuah kaca mata di dalam Kabupaten Pasaman di Sumatera Barat (Sumbar). Wan Mohd. Saghir Abdullah (2007), berpendapat bahawa istilah Rawa di Malaysia bermula daripada Haji Abdullah Nordin al-Rawi yang mengasaskan syarikat percetakan Persama Press tahun 1921 di Lebuh Aceh, Pulau Pinang. Pada asalnya disebut ar-Rawi iaitu mengikut istilah Arab yang bermaksud dibangsakan kepada Rao tetapi lama-kelamaan menjadi ar-Rawa yang menunjukkan asal seseorang itu iaitu dari negeri Rao di Sumatera. Penggunaannya juga dianggarkan bermula di sekitar awal abad ke-19 khususnya sewaktu aktiviti pengajian Islam sedang berkembang pesat di Mekah.

Nor Faridah Abdul Manaf dilahirkan pada 11 Januari 1963 di Bentong, Pahang. Beliau merupakan mantan Profesor Sastera Inggeris di Jabatan Bahasa dan Sastera Inggeris di Abdul Hamid Abu Sulayman Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Pengarang juga merupakan mantan Timbalan Rektor Pengantarabangsa dan Rangkaian Global, UIAM. Latar pendidikan tingginya bermula dengan Ijazah

Sarjana Muda Kesusasteraan Inggeris dan Amerika di Universiti Waikato, New Zealand (1983-1987). Setelah itu, beliau menyambung pelajaran di Universiti Liverpool dalam bidang Sarjana Kesusasteraan Inggeris (1990 hingga 1991). Diikuti Ijazah Doktor Falsafah Sastera Baharu dalam Bahasa Inggeris (1994 hingga 1997) di Universiti Flinders, South Australia.

Beliau turut menulis puisi menerusi *The Art of Naming: A Muslim Woman's Journey* (Silverfish Books, 2006) dan *Travel Poetry* (Silverfish Books, 2019). Selain itu, terdapat karya lain yang diterbitkan seperti *Colonial to Global* (2003), *Writing a Nation* (2009), *Antologi Cerpen: Di Balik Tirai Besi* (2016), dan *The Bridge* (2019). Beberapa cerpen turut pernah dihasilkan misalnya cerpen "Kasut Hitler" yang pernah memenangi Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank 1995.

## **Pendekatan Sejarah**

Menurut Mohamad Saleeh Rahamad (2005), pengarang yang menulis novel tentang sejarah silam terpaksa mencari sumber kedua untuk mendapatkan gambaran setepat mungkin tentang latar zaman seperti adat resam, budaya dan sebagainya. Sumber ini boleh didapati melalui karya-karya historiografi ataupun sumber lisan. Di sinilah letaknya tugas penyelidikan sebagaimana yang perlu dilakukan Nor Faridah Abdul Manaf.

Oleh hal yang demikian, novel sejarah ialah karya kreatif yang ditunjangi peristiwa sejarah yang bernilai. Dengan kata lain, novel sejarah adalah menghidupkan semula tokoh-tokoh, siri peristiwa, gerak laku atau semangat zaman lampau dengan pengetahuan yang mendalam tentang latar tersebut. Oleh itu, watak sejarah yang dihidupkan mestilah selari dengan fakta, latar waktu dan gambaran sezamannya. Ciri penting dalam penghasilan novel sejarah ialah berkenaan aspek latar yang merujuk kepada sejarah dan kewujudan watak serta peristiwa yang berlaku. Sekalipun aspek realisme menjadi titik perkongsian antara novel dengan sejarah, namun tahap realisme itu sendiri berbeza kadarnya.

Novel sejarah merakam peristiwa dan menggunakan cara yang kreatif dengan pengemblengan daya imaginasi serta dibangunkan oleh struktur cereka. Meskipun fakta sejarahnya perlu ada, pengarang boleh memasukkan unsur imaginasi bagi tujuan mengindahkan cerita atau menimbulkan kesan realisme dalam novel. Kebebasan imaginasi memang dibenarkan dalam cereka malah menjadi satu daripada sifat cereka. Jika tiada kebebasan imaginasi, samalah karya itu dengan sebuah laporan sejarah tulen. Jadi, novel sejarah memberikan ruang yang luas pada proses penciptaan. Antara tambahan yang boleh diwujudkan dalam novel sejarah ialah mengubahsuai dan menambah gambaran watak serta peristiwa sejarah sebenar atau rekaan.

Walau bagaimanapun, imaginasi dalam persejarahan tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya. Pemilihan dan penyusunan fakta yang memerlukan imaginasi hanya untuk melengkapkan karya sejarah sebagai sebuah cereka. Imaginasinya ini bergantung kepada tafsiran dan pengarang masih memerlukan hujah dan bukti. Menganalisis teks berunsur sejarah bermakna menjadikan nilai dan aspek-aspek sejarah sebagai fokus kritikan (A.Halim Ali,2020:50).

Kajian ini merupakan sebuah analisis kepustakaan menggunakan pendekatan Sejarah. Menurut A. Halim Ali (2019), kajian kepustakaan adalah kajian yang dijalankan ke atas data-data sedia ada (documented resources) seperti teks kreatif, manuskrip, surat-surat, dairi dan sebagainya. Analisis kajian ini tertumpu kepada salah satu aspek penting sejarah iaitu watak yang ditampilkan dalam teks kreatif novel berjudul *Wanita Rawa Terakhir* (2022) terbitan Silverfish Book. Kebanyakan watak dalam novel ini merupakan watak-watak sebenar (real) yang wujud dalam sejarah masyarakat Rawa.

## **Watak Sebenar**

Menurut Mohamad Saleeh Rahamad (2005), walaupun aspek realisme menjadi titik tolak perkongsian antara novel dengan sejarah, tahap realisme itu sendiri masih tidak sama. Realisme dalam sejarah berdasarkan fakta sebenar manakala realisme dalam novel bersandarkan sebuah rekaan atau imaginasi pengarangnya. Sejarah memaparkan realisme yang boleh dibuktikan kewujudannya. Saleeh Rahamad memetik kata-kata Peter Lamarque:

A historical work (including biography or autobiography) is produced with the intention of describing explaining or reconstructing past and actual events. It is written for the most part in an assertoric mode and invites assesment by such criteria as accuracy, truth and consistency with known fact. It is subject to verification and refutation.

(Mohamad Saleeh Rahamad, 2005)

Peter Lamarque telah menggariskan perbezaan antara cereka dengan sejarah secara jelas. Sejarah dihasilkan dengan niat menggambarkan peristiwa masa lalu secara sebenar-benarnya. Penulisan sejarah dinilai berdasarkan ketepatan fakta dan kebenarannya. Sebaliknya, cereka tidak perlu melalui proses pengujian kebenaran dan ketepatan cerita.

Sementara watak dalam cereka ialah pelaku atau manusia yang menggerakkan cerita. Watak berhubung erat dengan latar, plot atau peristiwa yang membangunkan cerita. Pentingnya watak dalam cereka ditegaskan Aristotle dalam buku Saleeh Rahamad, "*Character is means the personalities of the story.*" Walaupun watak dalam cereka boleh terdiri daripada haiwan, namun watak dalam novel sejarah hanya dirujuk pada manusia. Watak dalam novel sejarah tidak semestinya seseorang yang dianggap tokoh besar atau negarawan tetapi meliputi watak yang terdapat dalam catatan sejarah. Misalnya dalam karya sastera sejarah, historiografi mahupun kajian sejarah tempatan. Walau bagaimanapun, dalam tulisan ini pembuktian unsur realisme berdasarkan watak sejarah hanya dilakukan pada tokoh sejarah. Pembatasan ini dibuat kerana kewujudan tokoh sejarah dalam novel merupakan satu kemestian dan mereka boleh dikesan dengan mudah. Dalam novel sejarah, peranan seseorang tokoh bergantung kepada kedudukan novel itu.

Berikut adalah watak-watak benar dalam sejarah dan dikemukakan dalam novel *Wanita Rawa Terakhir*.

### **Tuanku Rao**

Pengarang mengangkat watak Tuanku Rao sebagai tokoh Islam yang hebat awal kurun ke-19 dan banyak pengikut serta dicintai rakyat pada ketika itu:

"... Begitu juga dengan Tuanku Rao, walaupun ramai yang mempertahankan Tuanku Rao sebagai tokoh Islam yang hebat awal kurun ke-19..."

(Nor Faridah Abdul Manaf, 2022: 25)

"Tuanku Rao telah menuntut ilmu Islam di Aceh dan pulang berdakwah di Padang Matinggi tetapi terus belajar dengan ulama-ulama terkenal Minangkabau seperti Tuanku Nan Renceh, Haji Sumanik, Haji Piobang dan Haji Miskin dan lain-lain. Tuanku Rao juga berguru dengan Tuanku Tambusai dan Tuanku Imam Bonjol sungguhpun 18 tahun lebih tua darinya, tetapi Tuanku Rao meninggal lebih awal daripada Imam Bonjol. Tuanku Rao adalah orang kepercayaan Imam Bonjol dan gabungan kedua-dua pejuang ini bersama-sama Tuanku Tambusai sering mengancam dan menjadikan Belanda kelim kabut, tetapi akhirnya Belanda dapat menangkap Tuanku Rao hidup-hidup di Air Bangis dalam tahun 1833. Tidak dapat dipastikan sekiranya Tuanku Rao dibunuh di atas kapal yang membawanya ke Padang dan jenazahnya dihambankan ke laut pada 29hb Januari 1833."

(Nor Faridah Abdul Manaf, 2022: 27-28)

Memang jelas bahawa Tuanku Rao adalah watak yang memang wujud dan dapat dibuktikan kesahihan faktanya. Kajian yang dilakukan Talib Samat (2012) menyatakan bahawa penaklukan dan penjajahan tentera Belanda ke atas kubu pertahanan Tuanku Rao di Padang Matinggi dan pelbagai tempat semasa Perang Paderi (1816-1837) memaksa mereka berhijrah ke Tanah Melayu. Perjuangan dan pengorbanan Tuanku Rao sentiasa hidup dalam jiwa dan ingatan suku etnik Rawa atau Minangkabau. Hal ini kerana beliau berani menggempur penjajah Belanda yang bersenjata moden dan teknologinya lebih canggih berbanding pejuang tempatan.

Menurut Afriadi Sanusi dalam Simposium International Warisan dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam di Universiti Malaya (2009), Tuanku Rao lahir di Padang Matinggi sekitar dua kilometer dari pekan Rao. Ayahnya seorang pedagang kerbau bernama Ibrahim berasal dari Sei Ronyah, Rao. Ibunya bernama Siti Aminah berasal dari Air Bangis. Beberapa kajian ilmiah yang dilakukan oleh anak-anak Rao mendapati bahawa nama sebenar tuanku pada waktu kecil adalah Syamsu Taberi. Tuanku Rao memiliki dua orang saudara perempuan dan seorang saudara lelaki. Kakak perempuan Tuanku Rao memiliki seorang anak yang bernama Bagindo Suman yang sekaligus sebagai panglima perang beliau. Ibunya memiliki seorang saudara lelaki bernama Nahkoda Langkok iaitu merupakan saudagar kaya yang di dalam sejarah disebut menghinati anak saudara sendiri iaitu Tuanku Rao. Nama atau gelaran Tuanku Rao menurut persepsi Naskah Tuanku Imam Bonjol ialah Fakih Saleh. Menurut Afri Sanusi, Fakih Saleh bukanlah nama, tetapi gelaran keserjanaan kepada seseorang yang ahli dalam bidang agama Islam ketika itu. Fakih (Pokiah) bererti ahli fiqh dan Saleh orang yang soleh, atau boleh juga disebut sebagai ulama menurut pendapat penulis. Oleh itu, pengarang mengangkat Tuanku Rao sebagai tokoh ulama yang unggul dalam mempertahankan agama dan akidah ketika mengetuai angkatan perang Paderi.

### **Imam Bonjol**

*Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1999), memperagakan bahawa Tuanku Imam Bonjol ialah seorang ulama dan pemimpin Gerakan Paderi. Dia lahir di Tanjung Bunga, Lembah Alahan Panjang. Sebelum menggunakan gelaran Tuanku Imam, nama sebenar beliau ialah Mohamad Syahab bin Khatib Bahanuddin atau gelaran Tuanku Muda. Ayahnya Tuanku Rajanuddin atau Khatib Bahanuddin juga merupakan seorang ulama.

Pada awal abad ke-19, gerakan yang dikenali sebagai Perang Paderi berada pada tahap yang paling genting. Setelah beberapa bulan melihat kegiatan paderi, Datuk Bandaharo dan Imam Bonjol pulang untuk menjalankan usaha yang sama tetapi ditentang dengan keras oleh Datuk Sati. Perang saudara ini memaksa para pengikut paderi berusaha mendirikan perkampungan baru. Setelah itu, dalam satu serangan, Datuk Bandaharo meninggal dunia. Ketika itulah Imam Bonjol membuat perkampungan baru yang kemudiannya disebut 'Bonjol'. Oleh itu, Imam Bonjol diakui masyarakat sebagai Tuan Imam. Bonjol ini juga tempat laluan garisan khatulistiwa dan dikatakan penduduk di kawasan ini sifatnya warak dan alim. Penggunaan watak ini dicoretkan dalam novel *Wanita Rawa Terakhir*:

“Rakyat bangkit semula dengan semangat para pejuang kental seperti Tuanku Tambusai dan Imam Bonjol setelah Tuanku Rao dan yang seangkatan dengannya gugur syahid.”

(Nor Faridah Abdul Manaf, 2022: 28)

Menurut Zaffuan Haji Manap (2007), Perang Paderi yang dipelopori Tuanku Imam Bonjol (1722-1864) bermula ketika 'golongan alim' yang sangat mengutamakan syariat agama dan hukum Islam mengangkat senjata menentang 'kaum adat' yang tergelincir dari landasan yang benar. Kaum adat dipelopori oleh golongan bangsawan Minangkabau dan raja serta mereka mengamalkan aktiviti berjudi, laga ayam, minum arak dan menjauhi masjid. Pihak Belanda berasa sangat terancam dengan kebangkitan pengaruh golongan ulama dalam menentang penjajahan mereka di Sumatera. Angkatan perang para ulama yang diketuai oleh Tuanku Imam Bonjol dengan berpakaian jubah dan serban putih bersenjatakan pedang dan keris telah menggemparkan pihak Belanda. Pertempuran yang dimenangi oleh gerakan Islam ini menyebabkan ramai askar upahan Belanda terkorban. Pertempuran ini dinamakan Perang Paderi yang bermaksud perjuangan yang dipelopori oleh tokoh ulama. Tuanku Imam Bonjol menjadi tonggak dalam peperangan tersebut dan terdapat lapan orang yang digelar Persatuan Tuanku nan Selapan iaitu seperti berikut:

1. Tuanku Imam Bonjol sebagai ketua
2. Tuanku Nan Gapuk
3. Tuanku Khalwat

4. Tuanku Nan Hitam
5. Tuanku Nan Rinceh
6. Tuanku Pasaman
7. Tuanku Nan Tuo
8. Tuanku Mudo

Setelah dua puluh lima tahun 'Bonjol' berkembang, pasukan Belanda membuat gerakan ketenteraan dalam perang saudara ini. Pihak Belanda berjaya menguasai Pelabuhan Air Bangis. Akhirnya pada tahun 1831, Bonjol yang telah bersekutu dengan Aceh, menyerang Belanda semula. Kemudian, pihak Belanda mendapat bantuan dari Batavia dan melakukan serangan ke wilayah pengaruh Imam Bonjol. Pihak Belanda berjaya menawan satu persatu benteng paderi di Agam. Menurut buku *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1999), pada bulan September 1832, Bonjol tewas. Imam Bonjol dan keluarganya melarikan diri. Pada 6 November 1864, Imam Bonjol meninggal dunia.



Rajah 1: Tugu Peringatan Tuanku Imam Bonjol (1772-1864) (Sumber: *Bingkisan Sejarah Raub, Rao dan Pagaruyung: Pertaliannya dengan Raub dan Pahang*, 2007)

Rajah 1 ialah tugu peringatan yang dibina di Bonjol, Sumatera Barat bagi mengabdikan sejarah perjuangan Tuanku Imam Bonjol dan rakyat Rao serta Minangkabau seluruhnya menentang penjajahan Belanda sepanjang Perang Paderi dari tahun 1821 hingga 1837. Bonjol ini juga merupakan tempat laluan garisan Khatulistiwa dan dikatakan penduduk bahawa kawasan ini terkenal dengan orang yang warak dan alim.

Oleh hal yang demikian, walaupun watak Imam Bonjol tidak begitu ketara dalam novel ini, namun realitinya beliau adalah tokoh sejarah Islam Rawa yang banyak memberikan sumbangan kepada bangsanya. Sejarahnya tercatat dalam memperjuangkan bangsa dan agama Islam daripada taklukan penjajah Belanda.

### **Abdul Karim bin Raja Aman Shah**

Selain itu, Abdul Karim juga merupakan watak sebenar yang terdapat dalam novel *Wanita Rawa Terakhir* ini. Hal ini dapat dibuktikan kewujudan watak Abdul Karim dalam sejarah:

“Dari Gopeng, Tupin pergi ke Kampung Selama kerana banyak kerja melombong bijih di sana apabila anak Raja Aman Shah dari Rawa yang bernama Abdul Karim membuka kampung itu dalam tahun 1870. Perlombongan bijih timah dibuka di sini

dengan bantuan orang-orang Rawa dan orang-orang Cina yang dipelawa masuk oleh Abdul Karim. Kisah Abdul Karim sangat menarik. Dia mula bekerja sebagai budak pejabat di bawah pentadbiran Orang Kaya Menteri Larut, Long Jaafar.”

(Nor Faridah Abdul Manaf, 2022: 29)

Jelaslah, bahawa Abdul Karim merupakan keturunan Rawa dan watak ini sememangnya wujud dalam sejarah Perak. Menurut Zabidin Haji Ismail (2013), seorang pengkaji etnik Rawa, arus kedua kedatangan orang Rawa dari Sumatera adalah dari kawasan Perak Utara. Kedatangan mereka berpunca apabila seorang pekerja Orang Kaya Menteri Larut, Ngah Ibrahim membenarkan Abdul Karim bin Raja Aman Shah membuka kawasan baharu di Larut. Rombongan beliau seramai dua belas orang, menaiki sampan ke Sungai Kerian dan singgah di suatu tempat bernama Tanjung Medan yang kini dikenali sebagai Kampung Medan. Rajah 3.2 diberikan gambaran peta daerah Selama:



Rajah 2: Peta Daerah Selama

(Sumber: <https://ptg.perak.gov.my/portal/web/selama/sejarah-daerah?target=sejarahdaerah>)

Rajah 2 menunjukkan bahawa latar yang digunakan pengarang adalah benar dan secara tidak langsung watak Abdul Karim itu juga adalah bukti yang kukuh bahawa beliau sememangnya wujud dalam sejarah Perak. Kemudian, orang Rawa tersebut berpindah pula ke Kampung Selamat yang terletak di antara Jalan Sir Chulan dan Kampung Gudang. Menurut Sakirin Muhamed (2016), ia dibuka pada 22 Januari 1870. Selepas itu, Kampung Selamat bertukar nama kepada Kampung Selama. Rajah 3 pula adalah bukti masjid Abdul Karim dibina di Selama Perak atas sumbangannya terhadap pelombong dan orang Rawa itu sendiri:





Rajah 3: Papan Tanda Nama Masjid Abd. Karim di Selama Perak  
(Sumber: <https://www.orangperak.com/sejarah-selama-perak.html>)

Menurutnya lagi, usaha pertama Abdul Karim dan pengikutnya ketika sampai di kampung tersebut adalah mendirikan sebuah masjid secara bergotong-royong yang mempunyai sembilan tiang. Setiap batang tiang melambangkan asas perpaduan puak Rawa. Puak-puak itu terdiri daripada Padang Matinggi, Loboh Hijau, Longgong, Sungai Rongeh, Kota Raja, Batak, Loboh Sekoping, Mendiling Besar dan Mendiling Kecil. Oleh itu, terhasillah masjid Abd. Karim seperti Rajah 3.

Kedatangan orang Rawa dari Sumatera ke Selama secara besar-besaran berlaku sekitar tahun 1880-an yang dibawa masuk Ngah Ibrahim apabila bijih timah dijumpai di sana. Orang Rawa diperlukan bagi memajukan perusahaan mencari bijih timah dengan cara mendulang dan pam kelikir kerana mereka mahir dalam bidang perlombongan. Bijih timah yang diperolehi dijadikan jongkong emas dan dipasarkan ke Nibong Tebal menggunakan sampan. Abdul Karim juga pernah dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (*State Council*) di bawah pemerintahan Raja Yusuf. Setelah hasil bijih merosot, maka Abdul Karim menyerahkan Kampung Selama kepada pihak Inggeris pada tahun 1888. Seterusnya, ketika di bawah pemerintahan Inggeris, Selama dibangunkan dan dimajukan. Abdul Karim meninggal dunia pada tahun 1890 dan dikebumikan di tanah perkuburan berhampiran masjid lama Selama.

### **Nantian Saka dan Lunggah**

Watak Nantian Saka dan Lunggah banyak diceritakan dalam novel *Wanita Rawa Terakhir* ini. Namun, fakta tentang sejarah mereka tidak banyak dijumpai tetapi terdapat salasilahnya. Watak Nantian Saka (ayah) dan Lunggah (anak) sememangnya wujud dalam keturunan orang Rawa dan dapat dilihat seperti berikut:


“Lunggah anak Nantian Saka yang tewas di dalam Perang Paderi, diselamatkan oleh panglima-panglima ayahandanya, selepas berita ayahandanya tewas di tangan askar-askar Belanda ketika mempertahankan kedaulatan mereka di Tanah Rawa, terutamanya di Tanjung Alai. Lunggah menyinsing kain sarung yang sudah lusuh dan berlari kencang meredah hutan yang tebal.”

(Nor Faridah Abdul Manaf, 2022: 14)

“Ayah Lunggah, yang lebih dikenali sebagai Nantian Saka, turut menyertai Tuanku Nan Tuo dan seterusnya Imam Bonjol dan Tuanku Nan Renceh untuk sama-sama mempertahankan kepercayaan mereka dan keutuhan Islam di daerah mereka. Nantian Saka cedera parah dan sebelum meninggal dunia, sempat menyerahkan warisan keluarga mereka, sebilah keris kecil yang tertulis di atasnya huruf Allah, Muhammad dan berwasiat kepada Lunggah untuk menyimpannya elok- elok tanda pengenalan identiti keluarga.”

(Nor Faridah Abdul Manaf, 2022: 45)

Oleh hal yang demikian, jelas bahawa pengarang tidak mereka atau memalsukan kewujudan mereka berdua. Hal ini dapat dilihat seperti bukti rajah salasilah ini:



Rajah 4: Salasilah Nantian Saka

(Sumber: *Bingkisan Sejarah Raub, Rao dan Pagaruyung: Pertaliannya dengan Raub dan Pahang* (2007))

Menerusi rajah 4 ini sangat jelas bahawa Nor Faridah banyak memanfaatkan sumber sejarah yang diperolehi dan menggunakannya sebagai salah satu daripada aspek watak realisme. Pengarang memahami konsep sejarah lalu dipraktikkan ke dalam novelnya. Sebuah kajian lepas Che Abdullah Che Ya dan Mohamad Rodzi Abd Razak (2019), ada mengemukakan bahawa penggunaan watak sebenar dalam novel adalah berdasarkan peristiwa yang nyata. Pengarang cuba menghayati perasaan, emosi, pemikiran yang bermain di fikiran para watak sebelum, semasa dan selepas kejadian yang mengerikan tersebut.


### Tupin Aishah

Tupin Aishah ialah watak utama realisme yang merupakan anak kepada Lunggah dan cucu Nantian Saka. Tupin Aishah dikatakan seorang wanita Rawa yang cantik jelita dan sopan santun orangnya. Ramai yang hendak beristerikan Tupin Aishah kerana kecantikan yang dimilikinya:

“Begitulah permulaan pencarian Tupin Aishah, moyang Cempaka. Sejak Cempaka kecil, cerita Tupin Aishah inilah yang sering didengarnya daripada nenek, ibu, pakcik, makcik, kakak-kakaknya. Namanya sendiri dipilih sebagai memperingati bunga cempaka di sanggul Tupin Aishah, yang hanya dikenali dari sekeping gambar yang pudar dan hanya itulah sahaja sedikit serpihan hidup moyang yang diketahuinya. Nyata dia seorang wanita Rawa yang jelita. Matanya bersinar, menandakan kecerdasan akalunya mengharung lautan luas berhijrah ke Tanah Melayu di awal kurun ke-19. Gaya duduknya yang lembut tetapi bergaya, tidak memeranjatkan sesiapa yang melihatnya sebagai wanita cantik, yang silih berganti suami setiap kali perkahwinannya gagal.”

(Nor Faridah Abdul Manaf, 2022: 9)

Oleh itu, diperagakan bahawa Tupin Aishah sememangnya seorang wanita Rawa yang jelita dan semangatnya yang kental dalam mengharungi penghijrahan yang begitu jauh dan terpaksa berpisah daripada keluarganya. Walaupun begitu, kisah Tupin Aishah tidak banyak diceritakan dalam sejarah Rawa namun tetap ada bukti kewujudannya seperti Rajah 5:



Rajah 5: Salasilah Tupin Aishah

(Sumber: *Bingkisan Sejarah Raub, Rao dan Pagaruyung: Pertaliannya dengan Raub dan Pahang* (2007)

Rajah 5 memerihalkan bukti kesahihan fakta bahawa watak Tupin Aishah sememangnya benar wujud. Tupin Aishah mempunyai lima orang anak iaitu Sudin, Gik, Haji Mat Kahar, Munah dan Abdul Rahman. Namun dalam novel *Wanita Rawa Terakhir* hanya berkisarkan watak anak Tupin Aishah iaitu Gik dan Munah. Selain itu, satu lagi bukti tentang kewujudan Tupin Aishah dalam sejarah Rawa:

“Dan lagi ada seorang lagi daripada anak saudara Tujuan Saka dan Fakeh Khalifah ini iaitu namanya Lunggah. Maka tatkala Tujuan Saka tinggal di Temau, Dong maka datang pula Lunggah ini dari Rao. Maka tinggallah Lunggah ini bersama Tujuan Saka di Temau. Kemudian maka dihantarlah oleh Tujuan Saka akan Lunggah itu berkahwin ke daerah Semantan Hulu, Raub. Maka anak-anak kepada Lunggah ini pertama Topin Aishah dan kedua Haji Abdul Rahman Tambi namanya.”

(Zaffuan Haji Manap, 2007: 175)

Manuskrip ini adalah terjemahan daripada buku kedua *Riwayatut-Tammauwi* (1908) iaitu cerita bagi bangsa Temau-Dong. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa Tupin Aishah adalah cara untuk mengembangkan watak yang tidak jelas dalam sejarah. Hal ini kerana cara tersebut dapat menimbulkan kesan realiti dan hidup pada novel *Wanita Rawa Terakhir*. Pengembangan watak ini bermaksud membesarkan peranan watak yang kecil dalam sejarah seperti Tupin Aishah.

## Bikinan

Mohamad Saleeh Rahamad (2005) memetik kata-kata Nelson Manfred Blake bahawa pengarang novel sejarah, harus membuat analisis dan menyusun bahannya dengan sempurna. Dia mesti menyampaikan kandungan sejarah yang penuh erti itu kepada pembaca. Cara yang sebegini memerlukan imaginasi. Pokoknya, penulisan sejarah yang menarik merupakan hasil ‘peniruan’ teknik sastera. Oleh itu, penulisan novel sejarah memang mempunyai kebebasan seperti novel umum. Walaupun mengambil bahan daripada peristiwa nyata, ceritanya dibentuk dengan daya kreatif pengarang berdasarkan gabungan imaginasi dan pemikiran. Inilah yang melahirkan sebuah tafsiran tentang kehidupan manusia dan sejarahnya. Maka, terhasillah karya novel antaranya beraliran absurd, realisme magis.

Walau bagaimanapun, imaginasi dalam pensejarahan tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya. Pemilihan dan penyusunan fakta yang memerlukan imaginasi hanya untuk melengkapkan karya sejarah sebagai sebuah wacana. Namun demikian, pengarang masih

memerlukan bukti dan hujah. Hal ini merujuk kepada perkataan 'sejarah' itu sendiri yang menentukan bahawa pembuktian fakta mesti dilakukan. Sementara naratif 'novel' pula memberikan ruang pada daya imaginasi atau rekaan dalam sesebuah novel sejarah. Ini sesuai dengan pendapat Avrom Fleishman (1971):

“As art of the imagination, the historical novel will be an exercise of the imagination on a particular kind of object. It is an imaginative portrayal of history, that is, of past states of affairs affecting human experience. The historical novelist provokes or conveys, by imaginative sympathy, the feeling of how it was to be alive in another age. To do this, he must describe and interpret – more or less accurately – the states of affairs that called forth personal responses of the kind he wishes to portray.”

(Avrom Fleishman, 1971: 4)

Meskipun fakta sejarah perlu ada, pengarang boleh memasukkan fakta berdasarkan imaginasi bagi tujuan mengindahkan cerita atau menimbulkan kesan realiti dalam novel. Kebebasan imaginasi memang dibenarkan dalam cereka malah menjadi salah satu daripada sifat cereka. Jika tiada kebebasan imaginasi, samalah karya itu dengan sebuah laporan sejarah tulen. Maka 'novel sejarah' memberikan ruang yang luas kepada penciptaannya. Antara tambahan yang boleh diwujudkan dalam novel sejarah ialah mengubahsuaikan dan menambah gambaran watak dan peristiwa rekaan.

Salina Ibrahim (2022) menyatakan bahawa elemen sejarah dalam novel seperti tokoh, peristiwa dan latar boleh diubah mengikut kreativiti penulis. Meskipun begitu, sebagai sebuah karya kreatif imaginatif, novel sejarah turut memuatkan unsur fantasi dan imaginasi. Dalam hal ini, S. Othman Kelantan (1985) berpendapat bahawa novel sejarah adalah berdasarkan kepada bahan-bahan sejarah yang nyata kemudiannya diberikan unsur imaginasi oleh pengarang terutamanya terhadap watak rekaan. Selain mencerekakan watak sejarah, satu lagi kelaziman dalam novel ialah mewujudkan watak rekaan seperti yang dinyatakan Doris Ricker Marston (1976):

“In the historical novel, many of the characters may be invented and set in a framework of historical events...”

(Doris Ricker Marston, 1976: 193)

Watak-watak ini berdiri sendiri dalam cereka tanpa dapat dirujuk pada mana-mana orang yang benar wujud. Terdapat beberapa watak buatan yang dikenal pasti dicipta pengarang dalam novel *Wanita Rawa Terakhir*.

### **Cempaka**

Pengarang membina watak utama rekaan yang berada dalam mana-mana peristiwa sejarah, sama ada sebagai pemerhati atau terlibat secara langsung. Hal ini dapat dilihat berdasarkan watak utama rekaan yang terdapat dalam novel *Wanita Rawa Terakhir* iaitu Cempaka:

“Teksi kuning yang agak tidak bermaya itu menekan brek dengan keras sehingga tubuh Cempaka terhumban ke hadapan dan dahinya terhantuk di belakang kepala kerusi penumpang yang lusuh. Teksi yang berusia sebelas tahun itu masih didera untuk hidup sebelas tahun lagi. Cempaka menggosok-gosok dahinya yang sedikit sakit. Dia perlahan-lahan membuka pintu teksi dan cuba bangun, walaupun berasa pinggangnya seperti hendak patah, keluar dari teksi buruk yang berbau kencing kucing itu.”

(Nor Faridah Abdul Manaf, 2022: 1)

Walaupun Cempaka adalah sebagai watak rekaan sahaja, namun ia digunakan sebagai penggerak utama naratif novel *Wanita Rawa Terakhir* terhadap pencarian susur-galur keluarganya yang berketurunan Rawa. Nor Faridah mewujudkan watak

rekaan bagi menghasilkan sebuah cerita yang menarik kerana beliau mahu menonjolkan jalan cerita yang asalnya kabur dalam sejarah.

“Cempaka masih ingat lagi ketika dia menziarahi beberapa rumah kenalan ibu yang tidak dikenalnya, di Gopeng dan Kuala Kubu semasa dia kecil. Tetapi dia terlalu muda untuk mengambil peduli urusan orang-orang tua. Kenangan baginya adalah perjalanan yang jauh tanpa aplikasi Waze dan telefon pintar untuk sampai ke destinasi yang ingin dituju. Rumah-rumah di sana mempunyai suasana yang damai permai seperti alam Rawa ini juga.”

(Nor Faridah Abdul Manaf, 2022: 39)

Konsep sejarah adalah tidak mementingkan perkara remeh-temeh dan yang bersifat sampingan tetapi hanya merakam fakta penting untuk memperkuat hujah sesuatu peristiwa serta untuk membina naratifnya sahaja. Oleh hal yang demikian, memang tidak dapat dinafikan bahawa penulisan novel sejarah sukar untuk menggambarkan suasana yang sebenar tentang peristiwa sejarahnya. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, salah satu caranya adalah dengan mewujudkan watak-watak bikinan seperti Cempaka. Maklumat penting watak-watak di sekeliling kehidupan Cempaka tidak diperoleh daripada mana-mana sumber melainkan daripada imaginasi pengarang.

Menurut Sulaiman Salleh dan Rahmatunnisah Haji Sailin (2014), imaginasi mempunyai hubungan yang amat rapat dengan komunikasi penulisan terutamanya penghasilan karya-karya kreatif. Mereka yang mempunyai keupayaan berimaginasi adalah suatu kelebihan baginya menghasilkan karya-karya yang bermutu. Sulaiman Salleh dan Rahmatunnisah Sailin memetik kata Faisal Tehrani bahawa imaginasi adalah unsur yang paling penting bagi melahirkan karya kreatif. Dijelaskan bahawa imaginasi merupakan keupayaan mencipta citra yang berupaya menggambarkan imej peribadi seseorang yang belum pernah terjadi secara nyata.

Jelaslah bahawa, pengarang telah campur tangan dalam penghasilan novel *Wanita Rawa Terakhir* ini sebagai watak Cempaka. Cempaka adalah cerminan Nor Faridah Abdul Manaf. Hal ini kerana karya kreatif mempunyai kaitan yang rapat dengan sejarah kerana ia dihasilkan berdasarkan imaginasi dan wawasan yang terbentuk daripada pengetahuan serta pengalaman diri sendiri Nor Faridah Abdul Manaf.

## **Mak Usu**

Mak Usu adalah watak sampingan dalam novel ini. Mak Usu dikatakan orang yang mengetahui salasilah keturunannya dan tentang saka. Hal ini dapat dilihat pada petikan berikut:

“Mak Usu bergegas ke almari pakaiannya dan meraba-raba sesuatu di bawah timbunan kain. Kelima-lima jarinya menggenggam satu bungkusan yang hanya dia tahu letaknya dan isinya. Sambil bangun bertongkatkan tangan di lututnya yang semakin uzur, Mak Usu kembali ke pintu untuk mengunci pintu biliknya.”

(Nor Faridah Abdul Manaf, 2022: 88)

Mak Usu adalah berperwatakan keras kepala. Dialah yang menyimpan cincin dan piring warisan pusaka nenek moyangnya. Mak Usu mempercayai bahawa ‘penjaga’ itu hanya menolong menjaga keturunannya daripada hasad dengki orang dan perbuatan yang buruk akan menimpa keluarga mereka. Mak Usu percaya bahawa ‘penjaga’ tersebut dapat menyembuh penyakit yang dialami mereka seperti mana yang dihadapi Mak Long dan Pak Ngah Cempaka. Mak Usu bukanlah orang yang cetek ilmu agamanya kerana suaminya juga adalah seorang ustaz dan pastinya mereka tahu tentang hukum hakam Islam. Mak Usu dan Cempaka bertengkar kerana dia tidak mahu memutuskan perjanjian dengan penjaga itu. Oleh itu, watak Mak Usu ini adalah sebagai konflik dalaman kepada Cempaka yang terpaksa bersabar atas karenah maceiknya sendiri.

### **Ustaz Sulaiman**

Ustaz merupakan guru agama lelaki yang mengajar atau memberikan ilmu agama kepada masyarakat. Ustaz bertanggungjawab menyebarkan dakwah seperti Ustaz Sulaiman:

“Ustazah sudah berpesan bahawa haram seorang wanita bersalaman dengan seorang lelaki yang bukan muhrimnya. Tetapi dia juga teringat pesan guru sastera Melayunya, adat orang Melayu perlu bersopan santun. Orang berbudi, kita berbahasa. Bagaimanapun, Ustaz Sulaiman, pernah berkata, sebagai orang Islam jangan sekali-kali menjatuhkan air muka orang.”

(Nor Faridah Abdul Manaf, 2022: 8)

Ustaz Sulaiman ialah watak sampingan yang hanya sebagai tempelan untuk menerangkan tentang hukum wanita bersalam dengan lelaki. Pengarang menambah watak rekaan Ustaz Sulaiman untuk tujuan kefahaman dan ilmu tentang agama kepada pembaca. Hal ini dapat memberi penjelasan kepada wanita Islam yang sering dilanda keraguan berkenaan hukum bersalaman tersebut. Oleh itu, dakwah adalah kewajipan untuk menyeru manusia melakukan kebaikan dan kebajikan yang merupakan tugas setiap Muslim.

### **Undri**

Perwujudan watak binaan ini perlu bagi mengisi suasana zaman ketika itu. Sejarah sebelum kemerdekaan biasanya tidak memperhitungkan watak-watak kerdil dalam masyarakat dan ia memberikan peluang kepada pengarang untuk mencipta watak rekaan. Sekiranya hanya watak sejarah ditampilkan dalam novel ini, gambaran suasana sezaman tidak akan timbul. Pengarang memperagakan watak Undri sebagai suami Tupin Aishah:

“Lelaki ini seakan jujur terhadapnya. Sejak mereka berkawan, tidak pernah Undri mengambil kesempatan ke atasnya. Malah Undri banyak memberinya tunjuk ajar dan kata nasihat. Undri juga seorang lelaki yang taat menjaga agamanya. Solat tepat pada waktu, percakapannya tertib dan dia juga suka membantu pelombong-pelombong Rawa yang baru tiba dari seberang. Memang Tupin juga sukakan Undri tetapi memandangkan dirinya sudah banyak kali gagal di dalam perkahwinannya, dia menjadi serik. Perkahwinan tiada di dalam kamusnya. Bukan Undri seorang yang mengajak dia kahwin.”

(Nor Faridah Abdul Manaf, 2022: 32)

Undri ialah suami hasil perkahwinan Tupin Aishah yang ketiga. Undri seorang lelaki yang taat akan agamanya dan sentiasa berusaha mencari nafkah buat Tupin. Dia seorang yang bekerja keras membanting tulang agar keperluan Tupin mencukupi. Namun, perkahwinan mereka tidak bertahan lama kerana Undri terlalu sibuk mencari rezeki dan selalu meninggalkan Tupin bersendirian. Hal ini menyebabkan Cempaka membawa diri ke Raub untuk mencari ayahnya, Lunggah. Oleh itu, watak Undri dicipta sebagai peranan memenuhi ruang subplot yang menggerakkan plot utama.

### **RUMUSAN**

Penggunaan pendekatan sejarah iaitu unsur realisme dan imaginasi dianalisis dalam novel *Wanita Rawa Terakhir* untuk membangunkan naratif sejarah Rawa secara tidak langsung. Sekali gus, kajian ini bertujuan mengangkat kepengarangan Nor Faridah Abdul Manaf sebagai penulis novel sejarah. Novel ini memperlihatkan hubungan sastera dan sejarah yang diadun secara teliti dan rinci antara fakta dengan kreativiti. Tambahan lagi, novel *Wanita Rawa Terakhir* menggarap unsur pensejarahan yang di dalamnya diisi dengan nilai pengembaraan serta melihat aspek tradisi mahupun klasik. Fakta-fakta sejarah yang ditampilkan adalah tepat dan tiada unsur anakronisme. Nor Faridah juga mengangkat sejarah Rawa dengan unsur etnosentrisme iaitu membanggakan

etniknya sendiri. Kelebihan yang ada pada orang Rawa diangkat dalam cereka untuk diperagakan kepada khalayak pembaca. Hal ini diperkukuhkan lagi bukti bahawa orang Rawa mahir dalam bersilat atau seni mempertahankan diri.

Kecenderungan Nor Faridah Abdul Manaf memperagakan “sejarah” pada novel *Wanita Rawa Terakhir*, rentetan penyelidikan Rawa yang dijalankan sejak tahun 2006 sehingga 2021 sepertimana dicatat dalam blognya. Hal ini diperkukuh apabila dikesani bahawa pengarang akur dengan gerak sejarah hubungan Rawa dengan Belanda melalui watak-watak yang terlibat dan dikerjakan secara kronologi. Bermula dengan pengenalan watak dan sehinggalah pertengahan cerita iaitu berkenaan dengan peperangan dan penghijrahan orang Rawa ke Tanah Melayu. Membaca karya sastera seperti novel, membentangkan khalayaknya dengan pelbagai sumber cerita yang disalin dan dipindahkan dari kehidupan manusia. Peristiwa sejarah yang dilalui mungkin sahaja diragui atau kurang difahami disebabkan berjaraknya masa lampau dengan masa kini. Namun di tangan novelis seperti Nor Faridah, himpunansejarah langka dapat ditinjau, dipermudah dan diperelok untuk dinikmati generasi muda khususnya.

Nor Faridah memasukkan watak sebenar dalam novelnya. Watak dalam novel sejarah tidak semestinya seseorang yang dianggap tokoh besar atau negarawan tetapi meliputi watak yang terdapat dalam catatan sejarah. Walau bagaimanapun, dalam tulisan ini pembuktian unsur realisme berdasarkan watak sejarah hanya dilakukan pada tokoh sejarah. Pembatasan ini dibuat kerana kewujudan tokoh sejarah dalam novel merupakan satu kemestian dan mereka boleh dikesan dengan mudah. Sebagai contoh, walaupun watak Imam Bonjol tidak begitu ketara dalam novel *Wanita Rawa Terakhir*, namun realitinya beliau adalah tokoh sejarah Islam Rawa yang banyak memberikan sumbangan kepada bangsanya. Sejarahnya tercatat dalam memperjuangkan bangsa dan agama Islam daripada taklukan penjajah Belanda.

Unsur realisme perihal perwatakan yang diungkapkan dalam novel adalah jelas dan dapat dirasai meskipun tanpa menyebut tarikhnya. Watak-wataknya hanyalah manusia yang menjalankan urusan hidup secara jelas. Oleh itu, ciri sejarah adalah seperti peristiwa masa lalu dan tentang manusia yang benar-benar berlaku. Kebenaran ini dapat dibuktikan melalui catatan tarikh, nama tempat, nama orang dan fakta peristiwa. Kesemua ciri atau unsur realisme sejarah ini jelas terdapat dalam novel *Wanita Rawa Terakhir*.

Novel sejarah juga meluaskan daerah cerekanya dengan memasukkan watak dan peristiwa binaan pengarang. Watak dan latar rekaan mempunyai peranan yang tertentu. Pengarang membina watak utama ciptaan yang berada dalam mana-mana peristiwa sejarah, sama ada sebagai pemerhati atau terlibat secara langsung. Kehadiran watak rekaan dalam novel ini juga adalah untuk mengisi ruang subplot, menimbulkan suasana sezaman dan membantu pentafsiran atau penjelasan tentang beberapa peristiwa sejarah. Watak-watak seperti Menteri Salleh atau Cempaka menjadi tali penghubung antara satu peristiwa dengan peristiwa sejarah yang lain. Nor Faridah Abdul Manaf memaparkan kehidupan manusia yang bukan sekadar merangkumi soal perjuangan besar orang Rawa tetapi mencakupi aspek emosi, batin dan manusiawi. Novel *Wanita Rawa Terakhir* sarat dengan pencerekaan terhadap watak, latar dan peristiwa sejarah. Pengarang mengangkat kedudukan sejarah Rawa dalam novel *Wanita Rawa Terakhir* yang diadun secara kreatif antara watak-watak sebenar dengan gandingan imaginasi.

## **RUJUKAN**

- A.Halim Ali (2019) *Pengetahuan Asas Penyelidikan Dalam Kesusasteraan Melayu*. Klang: MZU Edu Publication.
- A.Halim Ali (2020) *Kritikan Sastera: Teori dan Praktis*. Shah Alam: NHA Excell Resources.
- Abdul Rashid Ismail. (1984). *Kajian Struktur Beberapa Buah Novel Melayu Malaysia (1970-1980)*. Latihan Ilmiah Jabatan Persuratan Melayu.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (2022). *Program Bimbingan Sayembara Menulis Novel Sejarah untuk Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://dewansastera.jendeladbp.my/2022/07/25/4757/>

- Afriadi Sanusi. (2009). *Ketokohan Tuanku Rao sebagai Seorang Ulama dan Pejuang Melayu*. Simposium International Warisan dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. <https://lembagaadatmandailingmalaysia.weebly.com/tokoh-sejarah.html>
- Ahmad Kamal Abdullah, Hashim Awang, Ramli Isin, Sahlan Mohd. Saman dan Zakaria Ariffin. (1992). *Sejarah Kesusasteraan Melayu: Jilid II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Faizal. (2019). *Punca J.W.W Birch Dibunuh*. <https://www.thepatriots.asia/punca-jww-birch-dibunuh/>
- Che Abdullah Che Ya dan Mohamad Rodzi Abd Razak. (2019). Menelusuri Elemen Sejarah dalam Novel. *Akademika* 89. 10 (2): 5-14.
- Fleishman, Avrom. (1971). *The English Historical Novel: Walter Scott to Virginia Woolf*. London: The Johns Hopkins Press.
- Hakimi Ali. (2018). *Perbicaraan Pembunuhan J.W.W Birch*. <https://www.thepatriots.asia/punca-jww-birch-dibunuh>
- Hashim Ismail. (2022). *Program Bimbingan Sayembara Menulis Novel Sejarah untuk Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://dewansastera.jendeladb.my/2022/07/25/4757/>
- Kamaruddin Razal. (2020). Awas! Sikap Panas Baran, Mimpi Pelik, Masalah Jodoh antara Petanda Seseorang Didampingi Saka. *MStar Urban Versatil*. <https://www.mstar.com.my/xpose/mistik/2020/07/16/awas-sikap-panas-baran-mimpi-pelik-masalah-jodoh-antara-petanda-seseorang-didampingi-saka>
- Koran Sulindo. (2022). *Perang Padri di Sumatera Barat hingga Penyebaran Wahabi*. <https://koransulindo.com/perang-padri-di-sumatera-barat-hingga-penyebaran-wahabi/>
- Mana Sikana. 2004. *Sastera Melayu Pascamodenisme*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mana Sikana. (2021). Sejarah dalam Karya Sastera. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/118357/khas/pendapat/sejarah-dalam-karya-sastera> [30 Jun 2023]
- Martson, Doris Ricker. (1976). *A Guide to Writing History*. Chicago: Writer's Digest.
- Mohamad Saleeh Rahamad. (2005). *Pencerekaan dalam Novel Sejarah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Rohaya Md Ali dan Phat a/l Awang Deng. (2021). Menelusuri Novel Berunsur Sejarah *Nama Beta Sultan Alauddin: Pembinaan Karakter Seimbang berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 8(1): 132-141.
- Mohd. Kamaru Abdul Rahman. (2003). *Novel-novel Sejarah: Kajian Terhadap Tiga Buah Novel*. Latihan Ilmiah Pusat Pengajian Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu.
- Nor Faridah Abdul Manaf. (2006). *My First Book of Poetry*. <http://i-glass.blogspot.com/2006/>
- Nor Faridah Abdul Manaf. (2019). *Travel Poetry: Book Details*. <http://norfaridah.com/bookdetails.php?txtcode=TPJIE739PW7>
- Nor Faridah Abdul Manaf. (2021). *Professional Profile: Expert Profile*. <http://norfaridah.com/profile.php>
- Nor Faridah Abdul Manaf. (2022). *Wanita Rawa Terakhir*. Kuala Lumpur: Silverfish Book.
- Nur Shahirah Amir. (2022). Program Bicara KWM: *Wanita Rawa Terakhir: Rentas Sastera dan Sejarah*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan: 14 Disember 2022.
- Nurul Syakirah Zaini. (2013). *Apakah yang Dimaksudkan dengan Sejarah?* [https://www.academia.edu/35396290/SEjarah\\_Dan\\_Pensejarahan\\_d o c x](https://www.academia.edu/35396290/SEjarah_Dan_Pensejarahan_d o c x)
- Pentadbiran Daerah dan Tanah Pahang. (2021). *Peta Raub*. [https://pdtraub.pahang.gov.my/en/info-daerah/peta-raub?\\_locale=ms](https://pdtraub.pahang.gov.my/en/info-daerah/peta-raub?_locale=ms)
- Rose Silawati Ibrahim. (1984). *Shaharom Husain sebagai Novelis Sejarah*. Latihan Ilmiah Jabatan Persuratan Melayu.
- Safian Hussain, Mohd Thani Ahmad, Zakaria Ariffin, Ahmad Kamal Abdullah, Suhaimi Haji Muhamad. (2000). *Glosari Istilah Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sakirin Haji Muhamed. (2016). *Sejarah Selama, Perak*. <https://www.orangperak.com/sejarah-selama-perak.html>



- Salina Ibrahim. (2022). *Merencana Karya: Masuk, Fikir, Lihat dan Rasa dalam Novel Sejarah*.  
<https://tunascripta.jendeladbp.my/2022/08/30/3204/>
- Shamsinah Ibrahim. (1989). *Kaba Tjinduo dan Bundo Kanduang: Analisis Struktur dan Telaah Amanat*. Latihan Ilmiah Jabatan Persuratan Melayu. 164-204.
- Talib Samat. (2012). *Sejarah Kedatangan dan Biografi Tokoh-tokoh Rawa yang Terkenal di Malaysia*. Tanjung Malim: Penerbit Mentari.
- Tanpa Pengarang. (1999). *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu (Jilid 2)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tanpa Pengarang. (2020). *Sejarah Daerah Selama*. <https://ptg.perak.gov.my/portal/web/selama/sejarahdaerah?target=sejarahdaerah>
- Wan Mohd. Saghir Abdullah. (2007). Syeikh Muhammad Murid Rawa. *Utusan Malaysia*. [1 Julai 2023]
- Zabidin Haji Ismail. (2013). *Biografi Tokoh Rao: Sumbangan dan Jasa Terhadap Pembangunan Malaysia*. Ipoh: Persatuan Karyawan Perak.
- Zaffuan Haji Manap. (2007). *Bingkisan Sejarah Raub, Rao dan Pagaruyung: Pertaliannya dengan Raub dan Pahang*. Kuala Lumpur: Anjung Media Resources.